

Pendapatan Isi Rumah 2014

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Mengikut “Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah” 2014 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan bulanan purata isi rumah untuk seluruh Malaysia adalah RM6,141 berbanding dengan RM5,000 pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 10.3 peratus setahun mengikut nilai nominal.

Jika diklasifikasikan mengikut strata, purata pendapatan isi rumah di bandar adalah RM6,833 sebulan berbanding dengan RM3,831 untuk luar bandar. Manakala mengikut kumpulan etnik, isi rumah Bumiputera mempunyai purata pendapatan paling rendah iaitu RM5,548 sebulan berbanding dengan RM7,666 untuk kaum Cina dan RM6,246 untuk kaum India.

Dalam pada itu, saiz purata isi rumah mengikut perangkaan terkini adalah 4.4 orang untuk seluruh Malaysia. Jika dibahagikan mengikut strata, saiz isi rumah luar bandar adalah lebih besar iaitu 5.1 orang berbanding dengan 4.1 untuk bandar. Majoriti penduduk luar bandar adalah golongan Bumiputera. Bermakna, kaum Bumiputera menghadapi purata pendapatan yang rendah dengan saiz isi rumah yang lebih besar.

Sementara itu, pendapatan penengah isi rumah bulanan untuk seluruh Malaysia adalah RM4,585 mengikut laporan yang sama. Penengah adalah merupakan ukuran alternatif kecenderungan memusat selain dari purata. Jika diklasifikasikan mengikut kumpulan etnik, pendapatan bulanan penengah untuk Bumiputera masih terendah dengan nilai RM4,214, berbanding dengan RM5,708 untuk kaum Cina dan RM4,627 untuk kaum India.

Sebelum menganalisis segala maklumat di atas hasil dari “Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah” 2014, mari kita bezakan di antara purata dan penengah. Purata juga dikenal sebagai hitung panjang adalah merupakan jumlah keseluruhan

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

pendapatan isi rumah dari sampel terpilih dibahagikan dengan jumlah isi rumah. Manakala, penengah merupakan nilai pendapatan isi rumah yang berada di tengah-tengah jika semua isi rumah disusun mengikut turutan pendapatan mereka dari terkecil hingga yang paling besar.

Dua rumusan umum dapat dibuat dari statistik di atas. Pertama, nilai purata pendapatan isi rumah adalah lebih besar dari nilai penengah sama ada untuk keseluruhan isi rumah mahu pun diklasifikasikan mengikut kumpulan etnik. Kedua, pendapatan isi rumah Bumiputera adalah yang terendah berbanding dengan lain-lain kaum, sama ada menggunakan ukuran purata mahu pun penengah.

Nilai purata lebih besar dari penengah bermakna taburan pendapatan yang tidak normal, sebaliknya pencong ke kanan mengikut istilah statistik. Di dalam konteks pendapatan isi rumah, bermakna majoriti isi rumah berpendapatan di bawah purata. Atau dengan kata lain, sebilangan kecil isi rumah mempunyai pendapatan yang tinggi berbanding dengan sebilangan besar yang mempunyai pendapatan yang kecil.

Keadaan ini jelas jika dibandingkan purata pendapatan bulanan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan. Kumpulan isi rumah 20 peratus tertinggi (T20) mempunyai purata pendapatan bulanan RM14,305. Manakala purata pendapatan bulanan untuk kumpulan isi rumah pertengahan 40 peratus (M40) adalah RM5,662 dan purata pendapatan bulanan untuk kumpulan isi rumah 40 peratus terendah (B40) adalah RM2,537. Jelas bahawa 80 peratus dari isi rumah mempunyai pendapatan di bawah purata pendapatan isi rumah nasional RM6,141.

Salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh negara di dalam perjalanan menuju ke status negara berpendapatan tinggi adalah pengagihan pendapatan yang sama rata. Pendapatan isi rumah untuk kedua-dua kumpulan M40 dan B40 perlu ditingkatkan. Kumpulan B40 jelas menghadapi tekanan kos sara hidup. Purata pendapatan mereka RM2,537 adalah lebih rendah dari purata perbelanjaan bulanan isi rumah nasional sebanyak RM3,578.

Dalam pada itu, kumpulan M40 jika tidak diberi perhatian yang sewajarnya turut akan menghadapi tekanan kos sara hidup. Mereka akan tergolong di dalam kumpulan yang

terpaksa berterusan berhempas pulas untuk menampung kehidupan. Mereka tersepit diantara kumpulan B40 yang mungkin mendapat banyak bantuan di dalam bentuk pemindahan pendapatan dari kerajaan dan kumpulan T20 yang semakin kaya.

Peningkatan kekayaan golongan T20 akan memberi tekanan menaik ke atas harga barangan dan perkhidmatan kerana peningkatan permintaan. Contohnya, dapat dilihat arah aliran semasa dimana pemaju memberi tumpuan terhadap penawaran rumah mewah kerana permintaan yang sihat dari kumpulan T20, justeru ianya memberi pulangan yang lumayan. Kesannya, penawaran rumah yang bersesuaian untuk kumpulan M40 akan sedikit terabai sehingga akhirnya harga rumah sederhana juga turut meningkat. Manakala, rumah mampu milik yang disokong oleh kerajaan mungkin lebih tertumpu kepada golongan B40.

Langkah terbaik untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat menjelang pencapaian status negara maju adalah peningkatan pendapatan isi rumah untuk semua kategori. Jika purata pendapatan isi rumah kumpulan B40 melebihi purata perbelanjaan isi rumah, sudah tentu tekanan terhadap kos sara hidup dapat di tangani. Jika keadaan seperti ini berlaku, nilai purata melebihi penengah di dalam pendapatan isi rumah tidak menjadi isu kerana golongan berpendapatan rendah turut mengecap kesejahteraan hasil dari kemajuan negara.

Rumusan umum kedua di mana pendapatan isi rumah Bumiputera lebih rendah dari lain-lain kaum perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Secara umumnya berdasarkan pencapaian isi rumah, peratusan pembahagian “kek” di antara kaum tidak banyak bezanya dari semenjak merdeka, cuma saiz keknya lebih besar untuk semua kaum. Persoalannya, sama ada ini merupakan tujuan asal dasar atau kegagalan dasar perlu diteliti.

Sementara itu bagi pihak individu, golongan Bumiputera perlu bermuhasabah dan seterusnya menyahut cabaran yang sewajarnya. Adakah mereka perlu berpuas hati kerana keknya sudah besar walaupun peratusannya sama? Atau mereka perlu mempersoalkan apa yang telah salah? Mereka telah didedahkan dengan segala peluang dan mereka turut menyahut segala cabaran. Namun kemenangan mutlak kelihatan gagal dicapai, cuma setakat kemenangan relatif.

